

PM: Kuasai bahasa Inggeris

Oleh ROZAMAN ISMAIL

ALUR SETAR 2 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, penguasaan bahasa Inggeris amat penting dalam menentukan bangsa dan negara mencapai kemajuan seperti yang diharapkan dalam Wawasan 2020.

Menurut Perdana Menteri, rakyat, khususnya para pengurus dalam sektor awam dan swasta, perlu mempunyai kebolehan yang tinggi dalam bahasa itu, bukan sahaja untuk berkomunikasi malah untuk digunakan dalam perbincangan, merumus perjanjian, perdagangan dan penyebaran maklumat.

"Kalau mereka ingin menjadi pengurus yang baik, mereka mesti menguasai bahasa Inggeris.

"Bagi yang lain, yang ingin mempelajari atau bergiat dalam bidang yang tidak begitu memerlukan

kebangsaan dan tidak boleh mengajar bahasa kebangsaan, sedangkan Akta Universiti dan Kolej Universiti menetapkan bahasa pengantar di universiti ialah bahasa kebangsaan," jelas beliau.

Oleh yang demikian kata beliau, konsep pendidikan swasta masih belum boleh

bahasa...tidak mengapa, tetapi bagi pengurus, sama ada dalam kerajaan ataupun swasta, bahasa Inggeris menjadi perkara yang amat penting di zaman ini," katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan amanat kepada para pen-syarah dan kakitangan Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok, dekat sini, hari ini.

Penguasaan

Beliau berkata, mereka harus memberi perhatian kepada penguasaan bahasa kedua itu bukan setakat untuk berkomunikasi sahaja tetapi lebih daripada itu seperti berucap, berunding, membuat draf perjanjian, penggunaan sistem maklumat komputer serta berkomunikasi dengan negara luar bagi tujuan perdagangan.

Dr. Mahathir berkata, negara akan rugi sekiranya mereka yang terlibat dengan

berkembang di peringkat universiti atau kolej universiti tetapi mungkin boleh berkembang di peringkat bukan universiti.

Mengenai kemungkinan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti boleh menyelesaikan masalah tersebut, Perdana Menteri berkata, perkara tersebut juga perlu dikaji.

an urusan perdagangan dengan negara luar tidak dapat menguasai bahasa Inggeris.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri berkata, pengajaran bahasa Inggeris di kalangan mereka yang terlibat dengan bidang-bidang yang memerlukan hubungan dengan negara dan bangsa asing masih belum sampai ke tahap yang diperlukan.

Selain itu katanya, bahasa kebangsaan sendiri akan dapat diperkayakan lagi sekiranya seseorang dapat menguasai bahasa Inggeris kerana sesetengah istilah perlu dipinjamkan dari bahasa Inggeris.

Perdana Menteri juga mahukan mereka yang terlibat dalam bidang pengurusan memberi penekanan kepada dua lagi perkara iaitu kecekapan pengurusan dan etika kerja bermoral.

Beliau menegaskan, ke-

"Saya tidak tahu nak kata boleh atau tidak tetapi kita harus menentukan keutamaan kita sama ada kita hendak bangsa kita maju ataupun kita cuma nak melihara bangsa kita saja.

"Tetapi sekiranya kita berpendapat bahawa di samping kita memelihara bangsa kita, kita juga hendak maju, kita

cekapan dalam pengurusan perlu wujud sama ada di sektor awam atau swasta kerana ia boleh membuahkan hasil yang baik.

Dr. Mahathir berkata, para pengurus juga perlu memberi perhatian kepada etika kerja bermoral dan mengelakkan diri daripada sebarang bentuk perbuatan curang.

Mengenai konsep pendidikan swasta, khususnya universiti swasta, Dr. Mahathir berkata, universiti sedemikian tidak dapat diwujudkan di negara ini kerana ia akan berhadapan dengan masalah kekurangan pensyarah dan pengajar di peringkat tinggi.

Apabila keadaan itu timbul, kata Perdana Menteri, pihak universiti terpaksa mendapatkan tenaga pengajar dan pensyarah dari luar negara.

"Tetapi masalahnya tenaga pengajar dari luar negara tidak faham bahasa

harus mengkaji satu pendekatan yang boleh disesuaikan untuk tujuan itu," katanya.

Mengenai sikap parti pembangkang yang gemar menggunakan isu pendidikan swasta, khususnya universiti swasta, Dr. Mahathir berkata, setiap apa yang kerajaan lakukan semuanya dijadikan isu oleh pembangkang.